



## **TEKS UCAPAN**

YANG BERBAHAGIA DATO' AMIR BIN OMAR

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK MUHIBBAH

KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SARAWAK

SEMPENA SAMBUTAN MINGGU INOVASI

PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK

TAHUN 2021

DI

LAPANG SASAR PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL) KUCHING

PADA

31 OKTOBER 2021 (AHAD)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH  
DAN SALAM SEJAHTERA SEMUA

TERIMA KASIH SAUDARA/ SAUDARI PENGACARA MAJLIS

**SALUTATION**

1. YBGH. DATU IK PAHON JOYIK  
TIMBALAN SETIAUSAHA NEGERI SARAWAK  
( WAKIL KEPADA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI )
  
2. YBHG. PROF. DATO' DR. JAMIL BIN HJ. HAMALI  
REKTOR UITM SARAWAK
  
3. YDH. DATUK AIDI BIN ISMAIL  
PESURUHJAYA POLIS SARAWAK  
( TUAN RUMAH )

4. YBGH. DATU KEN ANAK LEBEN  
PENGARAH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SARAWAK

5. YANG BERUSAHA TUAN NORIZAN BIN JILI  
PENGARAH JPJ NEGERI SARAWAK  
( PENGANJUR UTAMA )

KETUA – KETUA JABATAN

TUAN – TUAN DAN PUAN - PUAN SEKALIAN.

YBHG. DATO' – DATO', TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG  
DIHORMATI SEKALIAN,

ALHAMDULILLAH, SETINGGI - TINGGI KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH  
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN - NYA MAKAN KITA  
DAPAT BERSAMA – SAMA BERKUMPUL DALAM MAJLIS PERASMIAN  
UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK MUHIBAH KETUA JABATAN  
PERSEKUTUAN DAN NEGERI SARAWAK SEMPENA SAMBUTAN  
MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2021  
PADA PAGIINI ANJURAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
NEGERI SARAWAK.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RASA SYUKUR DAN  
TAHNIAH KEPADA SEMUA KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI  
YANG HADIR PADA HARIINI YANG TERDIRI DARIPADA 20  
BUAH JABATAN AGENSI PERSEKUTUAN DAN NEGERI.

YBHG. DATO' – DATO', TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

SEPERTI TAHUN-TAHUN SEBELUM INI, MINGGU INOVASI DIANJURKAN SELARAS DENGAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN INOVASI SEBAGAI SALAH SATU AGENDA UTAMA NEGARA DALAM MENTRANSFORMASIKAN SEKTOR AWAM. INOVASI DAN TRANSFORMASI ADALAH ANTARA DUA PERKARA YANG TIDAK DAPAT DIPISAHKAN YANG KINI DIBERI PERHATIAN DALAM MEMACU STRATEGI - STRATEGI PELAKSANAAN BAGI MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU BERPENDAPATAN TINGGI.

JUSTERU, ADALAH MENJADI KEUTAMAAN KEPADA KITA, UNTUK TERUS MEMPERGIATKAN USAHA DALAM MENYEMARAKKAN LAGI BUDAYA INOVASI, MEMASTIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG LEBIH CEPAT, CEKAP DAN BERKESAN.

YBHG. DATO' – DATO', TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

BULAN INOVASI PADA TAHUNINI IAITU 'INNOVATION : BREAKING THROUGH NORMS' MEMBAWA PENGERTIAN YANG SANGAT MENDALAM DI MANA INOVASI DILIHAT DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM MENINGKATKAN PRESTASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DI LUAR NORMA KEBIASAAN.

PENJAWAT AWAM DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN SEBAIK MUNGKIN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KEPENTINGAN NEGARA. DI SAMPING ITU, PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEPADA PENJAWAT AWAM YANG BAHARU SAHAJA DIUMUMKAN DALAM BUDGET 2020 PADA JUMAAT LEPAS SEBANYAK RM700 KEPADA GRED 56 DAN KEBAWAH DIHARAP AKAN MEMOTIVASIKAN LAGI ANAK - ANAK BUAH KITA DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA RAKYAT.

PADA KESEMPATANINI, SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH SAYA KEPADA PENGARAH JPJ NEGERI SARAWAK, SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PROGRAM UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK MUHIBAH KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SARAWAK YANG JULUNG KALI DIADAKANINI IAITU SEMPENA SAMBUTAN MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK.

DENGAN ADANYA UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAKINI, KETUA JABATAN SECARA TIDAK LANGSUNG DIDEDEAHKAN DENGAN PENGENDALIAN PENGGUNAAN SENJATA API DI SAMPING MENAMBAH PENGETAHUAN SEDIKIT SEBANYAK BERKAITANTENTANG PENGGUNAAN SENJATA API SERTA DAPAT MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SARAWAK.

TAHNIAH DAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI SARAWAK DAN PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL) KUCHING DALAM MENYEDIAKAN LAPANG SASAR DAN KEMUDAHAN BAGI UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAKINI. TANPA KERJASAMA ERAT DARIPADA SEMUA PIHAK, PROGRAM PADA HARI INI TIDAK MUNGKIN AKAN BERJAYA DILAKSANAKAN.

SEKALI LAGI TAHNIAH KEPADA SEMUA KETUA JABATAN YANG TERLIBAT DALAM UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK PADA HARI INI. KEPADA YANG BERJAYA DAN MENANG DALAM UJIAN MENEMBAKINI, SYABAS SAYA UCAPKAN. MANAKALA KEPADA YANG TIDAK BERJAYA ANDA BOLEH CUBA LAGI PADA TAHUN YANG MENDATANG. GAGAL SEKALI BUKAN BERERTI GAGAL SELAMANYA.

TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA.

YBHG. DATO' – DATO', TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG  
DIHORMATI SEKALIAN,

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN  
SUKACITANYA MERASMIKAN MAJLIS PERASMIAUAN UJIAN  
KEMAHIRAN MENEMBAK MUHIBAH KETUA JABATAN PERSEKUTUAN  
DAN NEGERI SARAWAK SEMPENA SAMBUTAN MINGGU INOVASI  
PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2021.

AKHIR KATA, SAYA SUDAH UCAPAN SAYA DENGAN PANTUN :

**UJIAN MENEMBAK AKAN DIANJURKAN  
KETUA JABATAN TURUT MENERIMA UNDANGAN  
SYABAS JPJ SARAWAK SAYA UCAPKAN  
ATAS KEJAYAAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN**

WABILLAHI TAUFIQ WAL HIDAYAH,  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.